

Kadar pengangguran di Malaysia tidak serius

BH, 16 Jun 09 p. 7

MALAYSIA ketika ini tidak berdepan masalah pengangguran yang serius, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

“Pengangguran tidak meningkat, kita biasa dengan kadar pengangguran antara dua dan tiga peratus. Kita menjangka semasa krisis ketika ini ia mungkin naik kepada empat hingga ke empat setengah peratus tetapi pengangguran bukan satu masalah utama ketika ini,” katanya selepas lawatan rasmi ke Pusat Pembangunan Sumber Manusia Selangor di Shah Alam, semalam.

Beliau berkata, walaupun ada pekerja yang diminta mengambil Skim Pemberhentian Secara Sukarela (VSS) atau mengambil cuti panjang, keadaan itu sebenarnya mempunyai manfaat di sebaliknya kerana ia me-

nyediakan peluang kepada pekerja berkenaan menjalani latihan semula di pusat latihan seluruh negara termasuk di SHRDC.

Katanya, tenaga kerja Malaysia akan bersedia untuk kedudukan lebih baik apabila ekonomi pulih kembali.

Banyak negara menjangkakan prestasi ekonomi mereka bertambah baik pada separuh kedua tahun ini dan sesetengahnya mungkin mencatat pertumbuhan positif yang rendah.

“Kita juga yakin separuh kedua (tahun ini) lebih baik. Sebenarnya ini boleh dilihat dalam pasaran saham. Indeks Komposit Kuala Lumpur kembali pada paras lebih 1,000 mata.” katanya.

Katanya, pasaran saham bukan hanya harga dan nilai di pasaran, tetapi juga petunjuk paras keyakinan dalam ekonomi.